

## Chairman's Statement

### Results

The Group achieved a profit before taxation of RM33.4 million for the year ended 31 December 2005, 31% higher than 2004. The return from the Group's investment in DaimlerChrysler Malaysia increased to RM20 million as the full RM15.6 million return recognised in 2005 was supplemented by an additional RM4.4 million in respect of 2004. There were improved contributions from the Mercedes-Benz and Peugeot operations.

The Board is recommending a final dividend of 10 sen per share, less tax for approval at the forthcoming Annual General Meeting of the Company. This, together with the interim dividend of 5 sen per share less tax, will yield a total distribution of 15 sen per share less tax for 2005.



## Chairman's Statement

### Developments

The Mercedes-Benz retail operations performed well despite a challenging market, with sales of 1,373 units. Margins were however, lower, impacted by strong intra-brand competition and the sale of the pre-facelift S-Class in the second half. After a difficult first half, the after-sales performance was better in the second half and overall it had a good year with improved labour sales and reduced warranty expenses.

The Group's Mazda operations produced improved sales although margins came under pressure, particularly in the first part of the year when the Yen was strong.

The Peugeot business had another good year with an expanded range although the 407 continues to be the mainstay of the sales.

Cycle & Carriage Malaysia had a difficult year with vehicle sales and margins remaining under pressure and the operations were restructured in the 4th quarter.

The assembly businesses were successfully wound-down by the end of the 3rd quarter. Coupled with the disposal of the Group's interest in Kuching in the 4th quarter, staff numbers continued to reduce to 676 by year end.

The investment in facilities continued. The new Mercedes-Benz Autohaus 800 in Petaling Jaya opened in December and the slightly smaller Autohaus 400 opened in Mutiara Damansara in March. An Autohaus 180 is being built in Johor Bahru and other renovations are underway at Batu Caves and at the Ipoh workshop, to complement the Autohaus 400 showroom opened in Ipoh in 2004.

### Board Changes

Anthony Nightingale resigned as Director on 31 December 2005. The Board would like to take this opportunity to express its appreciation for Anthony Nightingale's valuable contribution to the Group during his 10 years involvement with the Group.

Joshua Chetwode, the Director of Finance and also an Alternate Director to Neville Venter, left the Group on 31 March 2006 to take up a new role within the Jardine Group. The Board would like to thank him for his contribution during his 3 years with the Group.



### **Acknowledgement**

The Group will continue to rely on the invaluable support of its customers, suppliers, dealers and business associates. This, together with the continued dedication and commitment of its employees, should ensure that the Group is able to meet the challenges ahead.

### **Prospects**

The business environment is expected to remain highly competitive in 2006. However, the Group's restructuring is now substantially complete, and the focus in 2006 will be on expanding our revenue base, disposing of non-core property assets and enhancing shareholders' returns.

Tan Sri Abdul Halim bin Ali  
Chairman

## Penyata Pengerusi

### Keputusan

Kumpulan mencapai keuntungan sebelum cukai sebanyak RM33.4 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2005, 31% lebih tinggi berbanding tahun 2004. Pulangan daripada pelaburan Kumpulan dalam DaimlerChrysler Malaysia meningkat kepada RM20 juta hasil daripada pulangan diiktiraf penuh sebanyak RM15.6 juta pada tahun 2005 yang ditokok dengan tambahan RM4.4 juta berhubung dengan tahun 2004. Sumbangan daripada operasi Mercedes-Benz dan Peugeot juga turut meningkat.

Lembaga Pengarah mencadangkan pembayaran dividen akhir sebanyak 10 sen sesaham ditolak cukai, untuk diluluskan pada Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan datang. Dividen tersebut, bersama-sama dengan dividen pertengahan sebanyak 5 sen sesaham ditolak cukai, akan menghasilkan jumlah pembahagian sebanyak 15 sen sesaham ditolak cukai, bagi tahun 2005.

### Perkembangan

Operasi runcit Mercedes-Benz menunjukkan prestasi memuaskan dengan jualan sebanyak 1,373 unit sungguhpun bersaing dalam suasana pasaran yang mencabar. Walau bagaimanapun, margin yang diperolehi merosot kesan daripada persaingan yang sengit antara jenama dan jualan model S-Class sebelum modifikasi luaran pada setengah tahun kedua. Selepas mengalami setengah tahun pertama yang mencabar, prestasi selepas jualan menjadi bertambah baik pada setengah tahun kedua dan pencapaian keseluruhan tahun ini adalah memuaskan dengan peningkatan jualan tenaga kerja dan perbelanjaan waranti yang menyusut.

Operasi Mazda milik Kumpulan turut mencatat peningkatan jualan walaupun margin agak tertekan, khususnya pada bahagian pertama tahun ini semasa nilai Yen kukuh.

Sungguhpun 407 masih merupakan model yang paling laris, namun perniagaan Peugeot mencapai satu lagi tahun yang memberangsangkan dengan pengembangan dalam rangkaian model-model lain.

Cycle & Carriage Malaysia telah mengalami tahun yang sukar dengan jualan kenderaan dan margin kekal tertekan dan operasi telah disusun semula pada suku tahun keempat.

Perniagaan pemasangan telah berjaya ditamatkan menjelang akhir suku tahun ketiga. Ditambah dengan penjualan kepentingan Kumpulan di Kuching pada suku tahun keempat, bilangan kakitangan terus menurun kepada 676 orang menjelang akhir tahun.

Pelaburan di dalam ruang pameran diteruskan. Mercedes-Benz Autohaus 800 yang baru di Petaling Jaya telah dibuka pada bulan Disember dan Autohaus 400 yang lebih kecil telah dibuka di Mutiara Damansara pada bulan Mac. Sebuah Autohaus 180 sedang dalam proses pembinaan di Johor Bahru dan kerja-kerja pengubahsuaian lain juga sedang dijalankan di Batu Caves dan bengkel Ipoh untuk memperlengkapkan ruang pameran Autohaus 400 yang telah dibuka di Ipoh pada tahun 2004.

### **Perubahan Dalam Lembaga Pengarah**

Anthony Nightingale telah meletakkan jawatan sebagai Pengarah Syarikat pada 31 Disember 2005. Lembaga Pengarah ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Anthony Nightingale atas sumbangan beliau yang tidak ternilai sepanjang perkhidmatan selama 10 tahun dengan Kumpulan.

Pengarah Kewangan, Joshua Chetwode yang juga merupakan Pengarah Gantian kepada Neville Venter, telah turut meninggalkan Kumpulan pada 31 Mac 2006 untuk memegang jawatan baru dalam Jardine Group. Lembaga Pengarah juga ingin menyampaikan ribuan terima kasih atas sumbangan beliau sepanjang 3 tahun berkhidmat dengan Kumpulan.

### **Penghargaan**

Kumpulan akan terus bergantung kepada sokongan padu yang tidak ternilai daripada para pelanggan, pembekal, wakil jualan dan sekutu-sekutu perniagaannya. Sokongan tersebut, bersama-sama dengan dedikasi dan komitmen kakitangan yang berterusan, akan memastikan Kumpulan kekal kukuh dalam menghadapi cabaran yang bakal ditempuhi.

### **Prospek**

Persekitaran perniagaan dijangka akan terus berada di tahap persaingan yang tinggi pada tahun 2006. Walau bagaimanapun, penyusunan semula Kumpulan kini hampir selesai, dan tumpuan pada tahun 2006 akan ditekankan kepada usaha meluaskan asas hasil, menjual aset-aset hartanah bukan teras dan mempertingkatkan pulangan pemegang saham.

Tan Sri Abdul Halim bin Ali  
Pengerusi